

Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika Syarikat: Dinding Pemisah Antara Ugama dan Negara?

Alfian Yasrif Kuchit

LL.M, Columbia Law School, Amerika Syarikat

Congress shall make no law respecting an establishment of religion, or prohibiting the free exercise thereof¹

- U.S. Constitution, Amendment 1.

I contemplate with sovereign reverence that act of the whole American people which declared that *their* legislature should ‘make no law respecting an establishment of religion, or prohibiting the free exercise thereof,’ thus building a wall of separation between Church & State.”

- Thomas Jefferson, Letter to the Danbury Baptist Association (January 1, 1802)

Apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan berugama (religious liberty)? Bagaimanakah dapat kita teliti intipati istilah ini? Dan sekiranya Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika Syarikat memberi jaminan kebebasan berugama, apakah pindaan tersebut membawa erti “dinding pemisah” seperti yang difikir Thomas Jefferson?

Makalah kecil ini bersumber dari sebuah buku tulisan Prof. Philip Hamburger bertajuk “Separation of Church and State”. Ianya bertujuan untuk menjelaskan sejarah perkembangan maksud dan makna kebebasan berugama seperti yang difahami di Amerika Syarikat(AS) pada abad ke-18 and ke-19. Buku itu memperlihatkan bahawa faham kebebasan berugama di AS merupakan sesuatu yang melalui proses evolusi, berkembang dan menganjal.

¹ Pindaan Pertama berbunyi: “Congress shall make no law respecting an establishment of religion, or prohibiting the free exercise thereof; or abridging the freedom of speech, or of the press; or the right of the people peaceably to assemble, and to petition the government for a redress of grievances.”

Abad ke-18

Pindaan Pertama beserta pindaan-pindaan yang lain² telah disahkan pada 1791. Antara kesan Pindaan Pertama ke atas kerajaan AS adalah ketidak-wujudan satu ugama rasmi walaupun rakyat di negeri-negeri American sebelum itu pernah hidup di bawah payungan ugama rasmi. Malah, sebelum Perang Kemerdekaan³, kerajaan-kerajaan negeri seperti Virginia dan Connecticut bukan sahaja mengangkat dan mendukung ugama rasmi tetapi menghukum dan memenjarai sesiapa yang yang melakukan upacara ibadah atau menyebarkan faham keugamaan yang berbeza dengan ugama rasmi.⁴ Setelah kemerdekaan, kerajaan-kerajaan negeri telah memansuhkan hukuman-hukuman sedemikian tetapi masih tetap mengangkat satu ugama rasmi. Ini meletakkan ugama rasmi serta pemeluk-pemeluknya pada peringkat yang istimewa. Sebagai contoh, para ugamawannya dibayar gaji dari cukai umum.

Bagi rakyat yang bukan pemeluk ugama rasmi, kebanyakannya mereka sudah berpuas hati bahawa mereka tidak lagi disaman atau dipenjara hanya kerana melakukan upacara ibadah menyebarkan faham keugamaan yang berbeza dengan ugama rasmi.⁵ Bagi golongan ini, kebebasan berugama adalah kebebasan daripada beban undang-undang jenayah yang menghukum atas dasar perbezaan pegangan dan kepercayaan (freedom from direct penalty).

Walaupun begitu, ada gerakan yang giat memperjuangkan ketiadaan sebuah ugama rasmi.⁶ Bagi golongan ini pula, kebebasan berugama adalah kebebasan daripada undang-undang yang mengambil kira ugama⁷ (no-cognisance standard) dan kebebasan daripada undang-undang yang mendiskriminasi atas dasar perbezaan pegangan dan kepercayaan (freedom from both penalty and unequal privileges).⁸ Dalam erti kata yang lain, golongan ini menuntut agar kuasa kerajaan untuk mengeluarkan undang-undang sedemikian dihadkan.

² James Madison mengusul 12 pindaan kepada Perlembagaan Amerika Syarikat (AS). Usulan pertama dan kedua beliau gagal diluluskan. Akhirnya, hanya 10 pindaan diterima.

³ Rakyat Amerika melawan kerajaan Inggeris pada tahun 1775-83.

⁴ Sebagai contoh, ugama rasmi di Virginia ketika itu adalah ugama Kristian fahaman Anglican (Episcopalian) sementara ugama rasmi di Connecticut ketika itu adalah ugama Kristian fahaman Congregationalist.

⁵ Sebagai contoh, golongan Kristian fahaman Presbyterian, Methodist, Quaker dan Mennonite.

⁶ Golongan Kristian fahaman Baptist berada di garis hadapan dalam memperjuangkan ketiadaan ugama rasmi.

⁷ Berbeza dengan golongan Kristian fahaman Baptist, golongan Quaker memerlukan undang-undang yang mengambil kira tuntutan ugama agar mereka dapat dikecualikan. Sebagai contoh, golongan Quaker mahukan undang-undang yang mengecualikan mereka dari menyertai peperangan atau membayar cukai untuk membayai peperangan.

⁸ Sebagai contoh, golongan ini di Virginia mempetisyen seperti berikut: “[f]ully Persuaded ... That the Religion of JESUS CHRIST may and ought to be Committed to the Protection Guidance and Blessing of its Divine Author, & needs not the Interposition of any Human Power for its Establishment & Support[,] We most earnestly desire and Pray that not only an Universal Toleration may take Place, but that all the Subjects of this Free State may be put upon the same footing and enjoy equal Liberties and Privileges.”

Pindaan Pertama

Pada Jun 1789, James Madison membuat usulan supaya Perlembagaan AS dipinda seperti berikut:

The civil rights of none shall be abridged on account of religious belief or worship, nor shall any national religion be established, nor shall the full and equal rights of conscience be in any manner, or any pretext infringed.

Setelah diperdebatkan⁹ di Kongres, akhirnya apa yang dipersetujui adalah seperti berikut:

Congress shall make no law respecting an establishment of religion...

Ini menunjukkan bahawa Kongres mengambil pendekatan di mana Kongres dilarang dari menggubal undang-undang yang mengangkat ugama. Ianya dilihat sebagai memenuhi kehendak golongan-golongan yang memperjuangkan agar perlembagaan AS memberi jaminan kepada mereka bahawa kuasa kerajaan AS terbatas¹⁰ dan tidak akan wujud undang-undang yang mendukung serta mengangkat ugama.

⁹ Usulan dari Ahli Perwakilan (Congressman) Samuel Livermore: "Congress shall make no laws touching religion or the rights of conscience." Usulan dari Ahli Perwakilan Fisher Ames: "Congress shall make no law establishing religion."

¹⁰ Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Massachusetts masih mempunyai yang undang-undang sedemikian yang hanya dimansuhkan pada 1833.

Abad ke-19

Dua tahun sebelum Jefferson menulis suratnya kepada Persatuan Danbury Baptist, Jefferson bertanding melawan John Adams dalam pilihanraya Presiden AS. Jefferson mewakili parti Republican sementara Adams pula mewakili parti Federalist. Parti Republican¹¹ menggunakan pemisahan ugama dan negara sebagai satu prinsip politik (anti-clerical) agar para ugamawan¹² yang berpihak dengan parti Federalist dihalang daripada terus menggunakan gereja untuk membicarakan tentang hal-ehwal politik. Parti Federalist pula menyanggah prinsip¹³ ini dengan mengatakan bahawa para ugamawan juga mempunyai hak untuk turut serta dalam perbincangan politik.

Walau bagaimanapun, akhirnya Jefferson mengalahkan Adams dan menjadi Presiden AS ketiga. Prinsip pemisahan, yang digunakan sebagai taktik politik dalam pilihanraya, mula bertapak dan mendapat perhatian rakyat Amerika. Prinsip ini mendapat perhatian lebih-lebih lagi dengan kehadiran pendatang-pendatang¹⁴ yang berugama Katolik.

Masyarakat AS rata-rata melihat diri mereka sebagai masyarakat Kristian fahaman Protestan yang bebas mengikut hati nurani mereka dan bukannya di bawah telunjuk pendeta atau gereja. Oleh yang demikian, mereka kurang senang dengan kehadiran pendatang-pendatang Katolik yang dikatakan sebagai hanya setia kepada ketua Gereja (Paus) dan tidak bebas mengikut hati nurani

¹¹ Sebagai contoh, Tunis Wortman menulis, “it is your duty, as Christians, to maintain the purity and independence of the church, to keep religion separate from politics, to prevent an union between the church and the state, and to preserve your clergy from temptation, corruption and reproach... Religion and government are equally necessary, but their interests should be kept separate and distinct. No legitimate connection can ever subsist between them. Upon no plan, no system, can they become united, without endangering the purity and usefulness of both – the church will corrupt the state, and the state pollute the church.”

¹² Para ugamawan yang berpihak kepada parti Federalist sering mengkritik Jefferson. Sebagai contoh, Reverend William Linn menulis, “the election of an man avowing the principles of Mr. Jefferson [would] destroy religion, introduce immorality, and loosen all the bonds of society.” Reverend John Mitchell Mason pula menulis, “By giving your support to Mr. Jefferson, you are about to strip infidelity of its ignominy”.

¹³ Dalam penyanggahannya, Reverend John Mitchell Mason menulis, “ And what is religion? Is it not an obligation to the service of God, founded on his authority, and extending to all our relations personal and social? Yet religion has nothing to do with politics? ... Can you persuade yourselves that political men and measures are to undergo no review in the judgment to come? ... Or that a minister of the gospel may see his people, in their political career, bid defiance to their God in breaking through every moral restraint, and keep a guiltless silence because religion has nothing to do with politics?”

¹⁴ Pada abad ke-19 pendatang-pendatang berugama Katolik dari Eropah dan Ireland berbondong-bondong berhijrah ke AS. Kebanyakan mereka berada dalam keadaan daif dan sering dituduh oleh masyarakat AS sebagai pemalas atau pengacau. Sebagai contoh, Lucius Sargent menulis: “when drunkenness shall have been done away, and, with it, that just, relative proportion of all indolence, ignorance, crime, misery, and superstition, of which it is the putative parent; then truly a much smaller portion of mankind may be expected to follow the dark lantern of the Romish religion.”

mereka. Situasi menjadi lebih rumit apabila wujud ucapan-ucapan¹⁵ yang menunjukkan bahawa gereja Katolik¹⁶ menginginkan kuasa politik dan menolak pemisahan gereja dan negara.¹⁷ Walaupun begitu, tidak semua (samada Katolik¹⁸ atau bukan Katolik¹⁹) yang berfikiran begitu.

Dengan menengahkan prinsip pemisahan ini, golongan Protestan yakin bahawa strategi ini dapat menghadkan pengaruh gereja Katolik di persada politik²⁰ dan masyarakat.²¹

Prinsip pemisahan ini juga selesa digunakan oleh mereka di bidang politik²², kehakiman²³ dan perdagangan²⁴. Ini membolehkan golongan-golongan tersebut untuk melakukan tugas mereka

¹⁵ Biskop John Hughes dari New York menulis, “Everybody should know that we have for our mission to convert the world – including the inhabitants of the United States – the people of the cities, and the people of the country, the officers of the navy and the marines, commanders of the army, the Legislatures, the Senate, the Cabinet, the President, and all!”. Lihat juga surat ensiklik (encyclical) tahun 1832 yang bertajuk Mirari Vos ditulis oleh ketua gereja Katolik ketika itu, Paus Gregory ke-16, “Nor can we augur more consoling consequences to religion and to government, from the zeal of some to separate the church from the state, and to burst the bond which unites the priesthood to the Empire. For it is clear that this union is dreaded by the profane lovers of liberty, only because it has never failed to confer prosperity on both.”

¹⁶ Sebenarnya, surat ensiklik tersebut ditujukan kepada pendeta-pendeta serta para intelligenzia Katolik Perancis yang menyokong pemisahan antara Gereja dan Negara.

¹⁷ Ucapan Paus ditentang golongan Protestant. Sebagai contoh, Persatuan Protestan Amerika menulis “[w]e have it officially promulgated by the *present Pope*, that LIBERTY OF CONSCIENCE, LIBERTY OF OPINION, the LIBERTY OF THE PRESS, and the SEPARATION OF CHURCH AND STATE, are four of the sorest evils with which a nation can be cursed! Both as Protestants and as American citizens, we count the rights which are here assailed as among our dearest franchises: and we cannot look on in silence and see the craft and power of Rome systematically and insidiously employed to subvert them.”

¹⁸ Sebagai contoh, Biskop John England dari Charleston menulis “the duty of a Roman Catholic legislator is to be regulated by the power which is conferred upon him. His duty is to legislate only for the temporal welfare of the State, not upon the religious concerns of the people It would on his part be an usurpation ... to use his power openly or covertly for the ... elevation of his own Church.” Beliau juga selanjutnya menerangkan bahawa “the Pope’s authority [as head of the Church] is merely of a spiritual nature and can never interfere with the temporal authority of our government.”

¹⁹ Seorang Baptist, Thomas Curtis, menulis “In the United States ... we find a variety of the Roman Catholic religion springing up vastly different from that even of Ireland.”

²⁰ Richard W. Thompson, seorang ahli politik, menulis seperti berikut, “The two systems stand in direct antagonism with each other. The Protestant has separated the State from the Church; the papal proposes to unite them again. The Protestant has founded its civil institutions upon the *will of the people*; the papal proposes to reconstruct and found them upon the *will of the pope*. The Protestant secures religious freedom; the papal requires that every man shall give up his conscience to the keeping of ecclesiastical superiors.”

²¹ Lihat misalnya golongan yang menentang permohonan golongan Katolik untuk mendapat biaya dari dana umum bagi sekolah-sekolah Katolik.

²² Sebuah rencana di suratkhabar Baltimore Sun menulis, “[t]he office of the President is exclusively secular, and for his religious sentiments he is responsible to no earthly being.”

secara profesional tanpa perlu memikirkan tentang tuntutan-tuntutan keugamaan. Malah, kebanyakan mereka mahukan prinsip pemisahan (anti-ecclesiastical) di mana negara terpisah bukan sahaja dari gereja Katolik (walaupun mereka tidak pada dasarnya anti-Katolik) tetapi apa jua gereja atau ugama sekalipun. Oleh yang demikian, mereka merasakan perlunya pindaan selanjutnya²⁵ pada perlembagaan AS. Walau bagaimanapun, jenis pindaan yang dimahukan golongan ini tidak mendapat tempat di persada politik kebangsaan.

Bezanya mereka dengan golongan anti-Katolik adalah golongan anti-Katolik merasakan bahawa prinsip pemisahan adalah satu prinsip Amerika yang harus dipegang oleh pendatang-pendatang Katolik dari Eropa agar mereka tidak terikat dengan gereja Katolik. Pada masa yang sama, golongan anti-Katolik tetap mahukan kehadiran dan pengaruh Protestan di persada masyarakat dan politik. Golongan anti-Katolik juga berkempen untuk meminda²⁶ perlembagaan AS agar ianya dapat menjamin prinsip pemisahan jenis ini. Pindaan mereka lulus di Dewan Perwakilan 180-7 tetapi gagal di Dewan Senat kerana kekurangan dua undi.

²³ Lihat misalnya, Jeremiah S. Black (hakim Mahkamah Agung Pennsylvania) yang menulis, “Our fathers seem to have been perfectly sincere in their belief that the members of the Church would be more patriotic, and the citizens of the State more religious, by keeping their respective functions entirely separate. For that reason they built up a wall of complete and perfect partition between the two.”

²⁴ Kesatuan Amerika Sekular, contohnya, berkempen agar undang-undang hari Ahad (di mana kedai-kedai tidak dibenarkan untuk dibuka pada hari Ahad) dimansukhkan.

²⁵ Antara pindaan yang diusul adalah seperti berikut: “Neither Congress nor any State shall make any law respecting an establishment of religion, or favoring any particular form of religion, or prohibiting the free exercise thereof; or permitting in any degree a union of church and State, or granting any special privilege, immunity, or advantage to any sect or religious body or to any number of sects or religious bodies; or taxing the people of any State, either directly or indirectly, for the support of any sect or religious body or of any number of sects or religious bodies;”.

²⁶ Pindaan yang diusul ahli Kongres James G. Blaine: “No state shall make any law respecting an establishment of religion or prohibiting the free exercise thereof; and no money raised by taxation in any State for the support of public schools, or derived from any public fund therefor, nor any public lands devoted thereto, shall ever be under the control of any religious sect, nor shall any money so raised or lands so devoted be divided between religious sects or denominations.”

Kesimpulan

Dengan meneliti sejarah masyarakat Amerika pada abad ke-18 dan ke-19, apa yang dimaksudkan sebagai kebebasan berugama pada pandangan mereka meliputi lapisan makna yang beragam. Apa yang jelas adalah perbezaan di antara dua konsep yaitu: pemisahan antara ugama dan negara dan apa yang dijamin perlombagaan AS sebagai kebebasan dari segala undang-undang yang mengangkat ugama rasmi. Tetapi dengan peredaran dan perubahan zaman serta faktor-faktor sosial, kedua-dua konsep ini bercampur-aduk menjadikan konsep-konsep ini seolah-olah serupa.

Bagi para penentang wujudnya sebuah ugama rasmi seperti golongan Baptist pada abad ke-18, mereka tidak pernah manafikkan perlunya hubungan moral antara ugama dan kerajaan. Para penentang ini sering dituduh bahawa mereka menginginkan pemisahan antara ugama dan negara oleh para ugamanan dari gereja rasmi. Sebenarnya, apa yang mereka bangkang adalah wujudnya hubungan antara ugama dan kerajaan sehingga membenarkan sokongan kerajaan serta saluran kewangan daripada cukai awam kepada gereja rasmi. Lebih lanjut lagi, apa yang mereka mahukan adalah supaya kuasa kerajaan dibataskan.

Konsep pemisahan hanya mendapat perhatian masyarakat Amerika (yang rata-rata Protestan) dengan kehadiran kaum pendatang dari Eropah (yang rata-rata Katolik) pada abad ke-19. Ianya mendapat tempat di hati masyarakat sehingga pada awal abad ke-20, golongan ateis, Baptist, Ku Klax Klan, Yahudi serta banyak lagi, menerima pemisahan sebagai konsep kebebasan berugama di mana ianya diangkat sebagai prinsip teras masyarakat Amerika yang patriotik. []